

# UMS bina rumah keluarga daif

UM 06.06.2012 26


KOTA BELUD 5 Jun - Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa berusaha membantu keluarga daif di negeri ini menerusi pelaksanaan program kemasyarakatan melibatkan mahasiswanya.

Timbalan Naib Canselor UMS, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur berkata, untuk mencapai matlamat tersebut, pihaknya melaksanakan Strategi Lautan Biru bagi membina rumah keluarga nelayan yang dikendalikan bersama Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (Maskum).

"Program ini ternyata memberi impak tinggi terhadap perkembangan insaniah di kalangan penuntut terlibat," katanya selepas majlis penyerahan rumah kepada keluarga Tisek Sirom di perkampungan nelayan Kampung Kupang, Kuala Abai di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pembantu Menteri Pembangunan Infrastruktur negeri, Datuk Japlin Akim; Timbalan Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang juga Pengerusi Maskum IPTA, Prof. Madya Dr. Fadzil Che Din dan Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali.

Kasim berkata, UMS akan terus



**RUMAH** milik Tisek Sirom yang dibina di bawah program Strategi Lautan Biru Universiti Malaysia Sabah di perkampungan nelayan Kampung Kupang, Kuala Abai, Kota Belud, baru-baru ini.

menyokong program kemasyarakatan tersebut agar lebih banyak keluarga nelayan daif mendapat manfaat daripada khidmat sosial berkenaan.

Di bawah program fasa pertama itu, sebuah rumah dibina untuk keluarga Tisek yang didirikan secara gotong-royong oleh pelbagai pihak dikendalikan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM),

penduduk dan mahasiswa UMS dalam tempoh 15 hari.

Tisek yang ditemui selepas majlis itu terharu dengan bantuan yang dihulurkan oleh UMS dan pihak terlibat.

"Saya amat berterima kasih dengan usaha murni para penuntut UMS dan anggota JPAM Sabah dalam membantu masyarakat daif di Sabah," katanya.